

Nama: _____ Kelas : _____

SULIT
Bahasa Melayu
Kertas 1
Set 1/2005
50 Minit

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH
PORTAL PENDIDIKAN UTUSAN 2005

BAHASA MELAYU
KERTAS 1
MASA : 50 MINIT

Arahan Am:

1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti **tiga pilihan** jawapan **A**, **B**, dan **C** atau **empat pilihan** jawapan **A**, **B**, **C**, dan **D**. Antaranya, ada **satu jawapan** sahaja yang betul. Pilih jawapan itu.

Soalan 1 hingga Soalan 18

Isi tempat kosong dalam ayat-ayat di bawah dengan jawapan yang paling sesuai.

Soalan 1 berdasarkan Gambar 1



Gambar 1

1. Puan Sabariah sedang _____ air mawar pada kedua-kedua pengantin itu.
- A. merenjiskan
 - B. menyemburkan
 - C. mencurahkan


Soalan 2 berdasarkan Gambar 2



Gambar 2

2. Wajah Soh Lin _____ apabila mengenangkan masalah keluarga yang dihadapinya.
- A. sugul
 - B. ceria
 - C. geram
 - D. bingung

Soalan 3 berdasarkan Gambar 3



Gambar 3

3. Pokok-pokok besar itu ditebang _____ membahayakan nyawa pengguna jalan raya.
- A. tetapi
 - B. kerana
 - C. supaya
 - D. sebelum
4. Gadis itu terpilih sebagai model produk kecantikan itu kerana dia _____.
- A. ada akal
 - B. ada hati
 - C. ada rupa
 - D. ada jalan

Soalan 5 berdasarkan Gambar 4



Gambar 4

5. Orang ramai dilarang mandi di sungai itu kerana aliran airnya sangat _____.
- A. deras
 - B. cepat
 - C. pantas
6. Walaupun hari sudah larut malam, anak kecil itu masih _____ tidur.
- A. akan
 - B. telah
 - C. belum

Soalan 7 berdasarkan Gambar 5



Gambar 5

7. “_____ berdua jangan ke mana-mana kerana ibu mahu ke rumah Mak Jenab sebentar,” kata Puan Yusni kepada anak-anaknya.
- A. dia
 - B. kamu
 - C. kami
 - D. mereka
8. _____ seminggu yang lalu, Pak Cik Osman terlantar _____ hospital.
- A. Sejak ... di
 - B. Pada ... hingga
 - C. Sejak ... dengan
 - D. Dari ... hingga

Soalan 9 berdasarkan Gambar 6



Gambar 6

9. Saya gemar duduk di bawah pohon itu sambil melihat ombak _____ pantai.
- A. memukul
 - B. melanggar
 - C. merempuh
 - D. menghentam

Soalan 10 berdasarkan Gambar 7



Gambar 7

10. Dalam _____ itu, wakil daripada kedua-dua buah syarikat telah mencapai kata sepakat.
- A. perbincangan
 - B. pergaduhan
 - C. perdebatan

11. Pementasan panggung _____ itu mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada peminat seni tanah air.
- A. usahawan
 - B. budayawan
 - C. bangsawan
 - D. olahragawan

Soalan 12 berdasarkan Gambar 8



Gambar 8

- 12 Salim belajar _____ biola daripada pak ciknya yang tinggal di Seremban.
- A. menggesek
 - B. menggosok
 - C. menggilap
 - D. memetik
13. Pak Dolah sedang sibuk bekerja _____ bendang.
- A. di atas
 - B. di bawah
 - C. di dalam
 - D. di tengah
14. Ibu berpesan kepada ayah supaya membelikannya _____ penyapu dan dua _____ bakul sampah.
- A. sepucuk ... biji
 - B. sebuah ... butir
 - C. sebatang ... buah
 - D. selembat ... bentuk

Soalan 15 berdasarkan Gambar 9



Gambar 9

15. Aidil _____ burung tiung yang dijerat oleh abangnya.
- A. melepasi
 - B. melepaskan
 - C. berlepas

Soalan 16 berdasarkan Gambar 10



Gambar 10

16. Apakah simpulan bahasa yang berkaitan dengan situasi dalam gambar?
- A. pukul curi
 - B. peluk tubuh
 - C. perang mulut
 - D. pasang telinga
17. Setelah _____ baju di ampai, kakak menolong ibu mengemas rumah.
- A. menyidai
 - B. melekatkan
 - C. meletakkan
 - D. menyangkutkan

18. Se _____ burung layang-layang sedang terbang di angkasa.
- A. buah
 - B. gugus
 - C. kawan
 - D. bentuk
19. Shahidan _____ tunangnya dengan membelikannya sejambak bunga.
- A. mengambil hati
 - B. mengambil berat
 - C. mengambil peduli
 - D. mengambil bahagian
20. Pilih **perkataan seerti** bagi perkataan yang bergaris.
- Seorang pengawal keselamatan diupah untuk mengawasi taman perumahan itu.
- A. meneliti
 - B. menjaga
 - C. mengurus
 - D. meronda

Soalan 21

Pilih jawapan yang paling sesuai bagi soalan yang diberikan.

21. Apakah yang merunsingkan fikiran ayah?
- A. Ayah tidak dapat tidur dengan lena.
 - B. Masalah kerjanya yang bertimbun-timbun.
 - C. Ayah bekerja hingga larut malam.

Soalan 22

Pilih ayat yang menggunakan perkataan yang bergaris dengan betul.

22. A. "Ini tidak kasut saya," kata Murugan kepada Kamarul.
B. "Bukan niat saya hendak menyakiti hati kamu," kata Amalina.
C. "Minta masuk. Doktor sedang menunggu encik.," kata jururawat itu.
D. Harap perhatian semua. Sebentar lagi majlis akan dimulakan.

Soalan 23

Pilih ayat -ayat yang menggunakan perkataan yang bergaris dengan betul.

23. I. Stesen angkasa lepas itu dianggarkan bernilai berjuta-juta ringgit..
II. Pada minggu lepas, kami sekeluarga berkelah di Pantai Irama.
III. "Lepas menonton televisyen, jangan lupa membaca buku," kata ibu kepada adik.
IV. Kapal terbang itu sudah lepas ke Itali.
- A. I dan II sahaja
B. II dan III sahaja
C. I, II, dan III sahaja
D. I, III dan IV sahaja

Soalan 24 dan 25

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberikan.

24. "Jangan membuang masa kamu dengan bermain permainan video itu," kata ayah kepada abang.
- A. Ayah memarahi abang kerana sering bermain permainan video.
B. Ayah merayu kepada abang supaya jangan menggunakan masanya dengan bermain permainan video.
C. Ayah menegaskan bahawa bermain permainan video merupakan suatu perkara yang tidak berfaedah.
D. Ayah melarang abang mensia-siakan masanya dengan bermain permainan video.
25. Ibu tidak suka akan perbuatan abang yang suka menghabiskan masanya bermain permainan video.
- A. Abang tidak disukai oleh ibu yang suka bermain permainan video.
B. Permainan video yang sering dimain oleh abang tidak disenangi oleh ibu.
C. Perbuatan abang yang suka bermain permainan video tidak disenangi oleh ibu.

Soalan 26

Pilih ayat yang betul.

26. A. Oh, permainan video ini tidak berfaedah untuk kamu, Zamarul!
B. Nah, kamu suka bermain permainan video, Zamarul!
C. Ah, ibu tidak suka kamu bermain permainan video ini, Zamarul!
D. Wah, kamu asyik bermain permainan video, zamarul!

Soalan 27

Pilih soalan yang paling sesuai bagi jawapan yang diberikan.

- 27 Restoran itu sentiasa mengutamakan kepuasan para pelanggannya.
- A. Di manakah letaknya restoran itu?
 - B. Bagaimanakah caranya hendak pergi ke restoran itu?
 - C. Apakah yang dapat kita lakukan di restoran itu?
 - D. Mengapakah restoran itu sering dikunjungi orang?

Soalan 28 hingga Soalan 30

Pilih ayat-ayat betul.

28. I Profesor Mok Leong seorang cendekiawan yang dihormati.
II Tiap-tiap hari Puan Zubaidah bersenam selama setengah jam.
III Semua penduduk-penduduk di kawasan itu beragama Islam..
IV Encik kamal menghantar keretanna kepada bengkel untuk dibaiki..
- A. I dan II sahaja
 - B. II dan IV sahaja
 - C. III dan IV sahaja
 - D. II, III, dan IV sahaja
29. I. Ramli teragak-gagak ketika menjawab soalan itu..
II. Jambatan lusuh itu perlu diganti dengan jambatan baru. .
III. Jam tangan yang baru dibelinya semalam sudah rosak.
IV. Kita perlulah sentiasa berbudi bahasa dan bersopan santun.
- A. I dan II sahaja
 - B. II dan III sahaja
 - C. II dan IV sahaja
 - D. I, III, dan IV sahaja
30. I. Majlis hari lahir Zahidah diadakan secara besar-besaran..
II. Telefon bimbit abang rosak kerana memasuki air.
III. Pak Amat mula menetap di situ kira-kira sedekad yang lalu.
IV. Cikgu Ramlah tercungap-cungap ketika memanjat tangga yang tinggi itu.
- A. I dan II sahaja
 - B. II dan III sahaja
 - C. III dan IV sahaja
 - D. I, III, dan IV sahaja

Soalan 31 hingga Soalan 35

Baca catatan harian di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Rabu, 1 Jun 2005

Cuti pertengahan tahun baru sahaja bermula semalam. Tuk Ngah akan pulang ke utara setelah menghadiri majlis perkahwinan di rumah Pak Long. Tuk Ngah *mempelawa* saya bercuti di kampung. Saya sangat gembira kerana ayah membenarkan saya mengikut Tuk Ngah. Pada malam ini, saya dan Tuk Ngah akan bertolak ke Jitra dengan bas.

Khamis, 2 Jun 2005

Hari ini ialah hari pertama saya berada di kampung. Pada sebelah petang, Tuk Ngah membawa saya ke pekan Bukit Kayu Hitam. Saya membeli patung beruang dan tuala mandi di sana. Saya juga membeli pemegang kunci di kedai cenderamata.

Jumaat, 3 Jun 2005

Selepas makan tengah hari, Pak Teh Ramli dan anaknya Suhaila mengajak saya ke Hutan Lipur Bukit Wang. Kami ke sana dengan menaiki kereta Pak Teh Ramli. Saya berasa amat gembira kerana dapat mandi di sana. Air di situ sungguh sejuk dan nyaman.

Sabtu, 4 Jun 2005

Pada hari ini Tuk Ngah, Pak Teh Ramli, dan Suhaila membawa saya ke Alor Setar. Saya dibawa melawat Balai Seni Negara, Balai Nobat, dan Masjid Zahir. Kami menikmati juadah tengah hari di Medan Selera yang terletak berhampiran dengan Stadium Darul Aman. Pada malam itu, Pak Teh Ramli menghantar saya pulang ke Kuala Lumpur.

- 31** Bilakah penulis pergi ke Jitra?
A Malam Rabu, 1 Jun 2005
B Hari pertama cuti pertengahan tahun
C Hari kedua cuti pertengahan tahun
D Hari ketiga cuti pertengahan tahun
- 32** Di manakah penulis membeli patung beruang?
A Jitra.
B Alor Setar
C Bukit Kayu Hitam.
D Hutan Lipur Bukit Wang.
- 33** Penulis berada di Jitra selama
A dua hari.
B tiga hari.
C empat hari.

- D lima hari.
- 34 Perkataan *mempelawa* dalam catatan harian bermaksud
A Mengajak
B menjemput
C mengundang
- 35 Penulis mengunjungi tempat-tempat berikut **kecuali**
A kawasan perkelahan.
B kedai cenderamata.
C tempat beribadat.
D kawasan kilang.

Soalan 36 hingga Soalan 40

Baca puisi di bawah dengan teliti dan kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

PUISI BUAT TEMAN

Teman,
hidup ini *bagai bunga yang tumbuh*
berkembang dan kemudian layu
lalu gugur ke bumi.
Oleh itu temanku,
hiasilah waktu mekarmu
dengan seribu satu haruman.

Teman,
sematkanlah ilmu di dada
harumkan namamu dengan kecemerlangan.
Cekalkan hati, tabahkan jiwa
biar seribu halangan menanti
tetap ditempuhi dengan berani.

Teman,
setelah hidup dihiasi kejayaan
janganlah *alpa* dan bangga diri
kepada Tuhan panjatkan doa
tanda kesyukuran atas kurnia-Nya.

- 36 Mengapakah hidup ini dikatakan *bagai bunga yang tumbuh*?
A Kehidupan ini tidak kekal
B Hidup penuh dengan cabaran
C Kesenangan hanya sementara

- 37 Dalam rangkap ketiga, penulis menyeru agar kita
A tidak lupa diri.
B terus berusaha.
C menghargai kejayaan.
D berbangga dengan kejayaan.
- 38 Apakah yang perlu dilakukan untuk mencapai kecemerlangan?
A Tabah menghadapi dugaan
B Mempelajari semua perkara
C Menempuh semua halangan
- 39 Perkataan *alpa* dalam puisi bermaksud
A lupa
B lalai
C lengah
- 40 Apakah tajuk lain yang sesuai bagi puisi di atas?
A Menuntut Ilmu
B Pesan untuk Teman
C Hadiah Buat Kecekanan
D Ketabahan dan Kecekanan

- KERTAS SOALAN TAMAT -